

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

MENERUSKAN LANGKAH KE ARAH PEMULIHAN



TAN SRI DR LIM WEE CHAI
Pengerusi Eksekutif

LIM CHEONG GUAN
Pengarah Urusan



Salam sihat dan sejahtera para pihak berkepentingan.

Tahun kewangan ini terbukti menjadi tempoh yang mencabar bagi Kumpulan dan juga merupakan tempoh yang meresahkan untuk industri sarung tangan secara umum. Cabaran yang menggerunkan di persekitaran operasi yang muncul pada tahun 2022 tidak mereda dan kami terus berhadapan dengan pelbagai angin sakal sepanjang 2023. Walaupun kami telah mengerahkan usaha yang terbaik serta mengambil tindakan tegas untuk mengekang penurunan, kami mengakhiri tahun kewangan dengan kerugian bersih buat kali pertama sejak penyenaian kami di Bursa Malaysia.

Tidak dapat dinafikan, perjalanan yang telah kami lalui amat sukar. Tetapi, yakinlah bahawa harapan masih wujud. Walaupun landskap perniagaan mungkin telah berubah secara drastik, namun asas industri sarung tangan tetap kukuh dan tidak berubah; dan keazaman kami untuk mengatasi serta menghadapi cabaran musim sukar ini masih teguh lagi.

Pelan pemulihan kami telah dilaksanakan. Usaha kami telah menghasilkan keputusan positif secara berterusan. Sambil kami melangkah ke tahun kewangan baru 2024, fokus kami akan tertumpu pada laluan di hadapan: jalan yang menuju ke arah pemulihan, di atas mana kami telah menjejakkan kaki dan akan terus maju ke depan dengan sepenuh tekad.



Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

PERBINCANGAN & ANALISIS PIHAK PENGURUSAN

Ketabahan Menghadapi Cabaran & Perubahan

Bagi Tahun Kewangan 2023 (TK2023), Kumpulan mencatatkan Pendapatan Jualan sebanyak RM2.26 bilion dan Kerugian Selepas Cukai sebanyak RM886 juta, sementara industri sarung tangan beransur kembali pulih daripada ketidakseimbangan dalam permintaan dan pembekalan yang berlarutan. Kerugian Selepas Cukai Kumpulan bagi tahun kewangan penuh mengambil kira kemerosotan nilai muhibah, dan kemerosotan nilai serta hapus kira dalam hartanah, loji dan jentera; tanpa kemerosotan nilai tersebut, kerugian bersih yang lebih rendah berjumlah RM481 juta akan direkodkan.

Prestasi yang kurang memuaskan berbanding FY2022 adalah berikutan pelbagai cabaran yang menguji daya tahan dan kebolehsuaian kami sebagai sebuah organisasi. Keadaan menyah stok sarung tangan berterusan disebabkan oleh lebih inventori pelanggan yang mengakibatkan trend pesanan yang lembap. Tambahan pula, terdapat lebih bekalan sarung tangan terhasil daripada pengembangan baru semasa pandemik, peningkatan persaingan daripada pesaing baru luar negara dengan kapasiti besar, di samping kekurangan pendesakan pelanggan untuk membuat pesanan memandangkan masa penghantaran yang singkat berpunca daripada penggunaan pengeluar yang lebih rendah. Selain itu, harga jualan purata tidak bergerak seiring dengan peningkatan kos pengeluaran dan terus kekal menurun. Ini secara kolektif mengimpakkan keputusan Kumpulan, berikutannya di mana Lembaga Pengarah tidak mengisytiharkan dividen untuk TK2023. Walau bagaimanapun, Kumpulan tetap komited untuk menyampaikan nilai kepada pemegang sahamnya dan akan terus mematuhi Polisi Dividen, yang telah diperkenalkan sejak 2017, yang menetapkan nisbah pembayaran dividen 50% daripada Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI).

Persediaan untuk Pengembalian: Pelan Pemulihan Top Glove

Mengurus dalam masa yang sukar memerlukan pendekatan yang berbeza; dengan tumpuan kepada faktor dalaman yang berada dalam kawalan kami, dan bukannya kuasa luaran yang tidak dapat dikawal. Oleh itu, usaha kami diarahkan untuk memperkukuhkan asas-asas kami, memastikan kami bersedia untuk menghadapi cabaran dan bersiap sedia untuk pemulihan.

Bagi memastikan Kumpulan bersedia untuk pemulihan, kami telah merangka **Pelan Pemulihan Top Glove (T6)**, suatu strategi yang menitikberatkan pada 6 matlamat utama, dengan objektif untuk:

- 1 Mempertingkatkan jumlah jualan
- 2 Meningkatkan kualiti
- 3 Menyatukan kemudahan
- 4 Menambahbaikkan produktiviti kakitangan
- 5 Memperkuat kedudukan tunai
- 6 Mengoptimalkan rantaian bekalan



▲ Tan Sri Azman Hj. Mokhtar, Pengerusi Lembaga Tabung Haji Malaysia telah menjalankan sesi "Board Case Study on Fiduciary Duties" kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Top Glove pada 17 Oktober 2023

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Di bawah pucuk pimpinan pasukan pengurusan, kami menjangkakan bahawa T6 akan menjadi pemangkin utama dalam pemulihan kami. Fasa awal T6 menyaksikan pelancaran langkah-langkah pengoptimuman kualiti dan kos yang mantap, termasuk penyelarasan fasiliti pengeluaran dan tenaga kerja di seluruh operasi Kumpulan. Langkah-langkah ini telah terbukti berkesan, mengurangkan kesan secara ketara pada prestasi kewangan kami dan membolehkan aliran tunai positif dan EBITDA dihasilkan pada 4STK2023. Dengan pelaksanaan yang berterusan, sasaran kami adalah untuk membentuk aliran menaik yang berterusan dengan EBITDA dan aliran tunai positif daripada operasi, lalu mencapai keuntungan selepas itu. Kumpulan juga ambil perhatian bahawa tarif gas asli di Malaysia telah mengalami penurunan, seiring dengan trend penurunan global, yang membawa kepada perbezaan yang lebih kecil dalam kos tenaga setiap karton antara gas asli dan arang batu. Ini dijangka akan meningkatkan daya saing Kumpulan dan industri sarung tangan Malaysia berbanding pengeluar sarung tangan yang berpangkalan di China pada masa hadapan.


Kumpulan juga akan terus menilai dan mengenal pasti fasiliti pembuatan di seluruh operasi kami di Malaysia, Thailand, dan Vietnam yang mampu memberikan kecekapan optimum. Selain itu, kami telah menyusun rangka tindakan untuk mempelbagaikan penawaran produk kami dan memperluaskan jangkauan kami ke pasaran-pasaran yang sedang berkembang. Dengan usaha kami untuk terus menambahkan produk dan proses pembuatan kami, sambil penyelarasan pasaran berterusan, kami yakin bahawa kami dapat membimbing Kumpulan mengharungi cabaran dan muncul sebagai pemimpin utama dalam industri sarung tangan sekali lagi.

Seperti yang telah dibentangkan oleh Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA) semasa Sesi Konsultasi Belanjawan 2024 bersama Kementerian Kewangan, kami berharap bahawa kerajaan Malaysia akan terus memberikan sokongan yang berterusan terhadap usaha pemulihan kami, terutamanya dalam perkara-perkara berikut:


- **Pengajian semula Perjanjian Bekalan Gas** oleh Suruhanjaya Tenaga dengan matlamat untuk mengubah mekanisme harga daripada *Kapasiti Tersimpan dengan Syarat Ambil Atau Bayar* kepada *Bayaran Mengikut Penggunaan*.
- Untuk **membekalkan gas asli dengan kos yang lebih rendah kepada industri sarung tangan getah Malaysia**, mengurangkan kos tenaga dan meningkatkan daya saing pengeluar sarung tangan tempatan. Ini juga akan membenarkan Malaysia memanfaatkan sumber minyak dan gas asli kita untuk mencipta eksport nilai tambah, yang akan memberikan sumbangan yang lebih besar kepada ekonomi negara kita.
- **Pembatalan Cukai Eksport sebanyak 0.2%** dengan serta merta.

Peningkatan Pencapaian Prestasi bagi TK2023

Kedudukan Tunai Bersih, RM'juta




EBITDA/(LBITDA), RM'juta




* Tidak termasuk kemerosotan nilai dan hapus kira

Kerugian Selepas Cukai, RM'juta




* Tidak termasuk kemerosotan nilai dan hapus kira

Pendapatan, RM'juta



Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Volum Jualan TK2023 mengikut Rantau



PEMBANGUNAN KORPORAT

Memperkukuhkan Lembaga Pengarah Kami

Kumpulan telah menyaksikan perkembangan di peringkat lembaga sepanjang tahun kewangan. Pada Mesyuarat Agung Tahunan 2023 pada 6 Januari 2023, Kumpulan telah melantik 2 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, iaitu Dr. Chong Su-Lin dan Cik Rowina Ghazali Seth, meningkatkan penyertaan wanita dalam lembaga pengarah kepada 42%, melebihi penanda aras amalan terbaik iaitu 30%. Dengan pengalaman pengarah-pengarah baru yang meluas dalam bidang kesihatan dan hal ehwal korporat, mereka mampu memberikan kelebihan kepada Kumpulan untuk mengharungi musim yang mencabar sambil memperkayakan komposisi lembaga pengarah.

Pengiktirafan dan Anugerah

Kami amat berbesar hati berjaya diiktiraf secara berterusan dalam menyampaikan nilai kepada pihak berkepentingan kami di seluruh spektrum kelestarian.

Member of
Dow Jones
Sustainability Indices
Powered by the S&P Global CSA

Mengekalkan penyertaan kami dalam **Dow Jones Sustainability Index 2023** di bawah kategori *Emerging Markets* untuk 5 tahun berturut turut dalam 3% teratas di kalangan rakan industri dalam industri Peralatan & Bekalan Kesihatan.

FTSE
Russell

Mencapai peningkatan ketara dalam penilaian **FTSE Russell Environmental, Social and Governance (ESG) Ratings 2023** berbanding dengan pencapaian kami pada tahun sebelumnya.

Bloomberg
Gender-Equality
Index
2023
Member

Berjaya memperolehi tempat dalam **2023 Bloomberg Gender Equality Index** untuk tahun kedua berturut-turut, dengan purata skor lebih tinggi daripada rakan setara global kami dalam kategori perindustrian, dalam memajukan kesaksamaan jantina di tempat kerja.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan



Top Glove telah dianugerahkan **EcoVadis Sustainability Bronze Medal**, menandakan kedudukan kami dalam 50% teratas di kalangan syarikat dan industri yang dinilai pada tahun 2023. Pengiktirafan ini menonjolkan keberkesanan sistem pengurusan kami dalam memenuhi kriteria kelestarian yang merangkumi impak alam sekitar, buruh dan hak asasi manusia, etika, dan perolehan mampan, sebagaimana yang digariskan dalam metodologi EcoVadis.



Memperolehi tiga pengiktirafan dalam **Prime Minister's Hibiscus Award 2021/2022** pada Jun 2023 dengan **Gold Award** dalam kategori *Special Project* bersama 2 anugerah lain bagi *Notable Achievement in Environmental Performance*.



Menerima *Distinguished Social & Community Care Awards* bagi kategori *Company of the Year (Manufacturer: Rubber Gloves)* di **Sustainability & CSR Malaysia Awards 2023**.



Memperolehi *Merit Award* di bawah kategori *Energy Management* daripada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dalam **National Energy Awards (NEA) 2022** tahunan.



Dianugerahkan dengan *Platinum Trusted Brand Award* dalam kategori *Hygiene/Disposable Gloves*, di **Reader's Digest Trusted Brands Asia Award 2023**, atas jenama yang unggul dalam kategorinya dengan skor lebih tinggi daripada rakan setara terdekat.



Menerima pengiktirafan di majlis anugerah **The Edge Singapore Billion Dollar Club 2023** yang berprestij untuk *Highest Weighted ROE over 3 years* di bawah sektor *Healthcare Services, Medical Equipment, Supplies & Distribution + Pharmaceuticals + Biotechnology & Medical Research*.



▲ Peserta di Sidang Kemuncak Kepimpinan Tahunan Top Glove 2023 yang bertema "Memacu Kecemerlangan melalui Insan & Budaya"

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Menuju ke Masa Depan yang Lebih Hijau

Kami sedar bahawa aktiviti kami berpotensi untuk membentuk planet kita bukan sekadar untuk masa kini, tetapi juga pada masa depan. Cabaran-cabaran sementara tidak menggugat fokus kami terhadap kelestarian yang kami terus mengintegrasikan ke dalam operasi harian perniagaan kami. Kami tetap komited untuk memajukan agenda ESG kami dan berhasrat untuk berpindah ke model perniagaan karbon rendah dan pada akhirnya, menjadi perniagaan karbon sifar bersih.



Merancang Pelan Hala Tuju Sarung Tangan Lestari

Sejak pengenalan *Sarung Tangan Nitril Berbiodegradasi Biogreen™* kami pada tahun 2019, rangkaian produk mampan kami terus membina momentum, dengan Volum Jualan untuk siri *Biogreen™* melonjak hampir 800% sejak 2019. Kami terus memperluaskan rangkaian produk kami, menggabungkan ciri-ciri mampan yang canggih yang selaras dengan minda sedar eko yang semakin meningkat. Perjalanan kami telah menyaksikan pengenalan *Siri Berbiodegradasi* kami dan *Siri Sarung Tangan Boleh Diperbaharui* yang telah mencipta terobosan. Pada masa depan, kami akan terus menggunakan kepakaran penilaian kitaran hayat (LCA) dalaman untuk menilai kesan alam sekitar produk *Biogreen™* dengan matlamat untuk membentuk masa depan yang lebih lestari dan cerah.



Siri Berbiodegradasi Biogreen™

Dirumus khas untuk biodegradasi di tapak pelupusan aktif secara biologi melalui proses mikrobial, membekalkan "Penyelesaian Akhir Hayat" ke tapak pelupusan dengan mengurangkan penimbunan sisa.



Siri Boleh Diperbaharui Biogreen™

Dihasilkan menggunakan bahan yang diiktiraf dengan FSC sebagai tanggungjawab terhadap amalan alam sekitar, sosial dan ekonomi, atau bahan berasaskan tumbuh-tumbuhan untuk mengurangkan jejak karbon.



Menggunakan Bahan Api Beremisi Rendah

Sebanyak 85% daripada aktiviti pembuatan kami memakai gas asli yang memerlukan penggunaan tenaga yang lebih rendah untuk menghasilkan satu karton sarung tangan berbanding dengan arang batu yang digunakan oleh beberapa rakan setara kami di luar negara. Gas asli juga mencipta jejak karbon yang lebih rendah, hanya mengeluarkan 18.53kg karbon dioksida (CO₂) setiap karton sarung tangan berbanding dengan 31.25kg CO₂ setiap karton sarung tangan dari arang batu.



Komited kepada Perniagaan dan Hak Asasi Manusia

Kumpulan kekal teguh dalam komitmennya untuk mematuhi Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGP) mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (BHR). Dalam usaha untuk mengekalkan komitmen ini, Kumpulan telah memulakan proses penggubalan Polisi BHR, di mana mesyuarat diadakan di antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan secara tetap. Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan juga akan memperbaharui ikrar mereka untuk menyokong pelaksanaan UNGP BHR pada Januari 2024.

Dapatkan maklumat lanjut tentang bagaimana Kumpulan berjaya terus membina masa depan yang mampan untuk perniagaan dan planet, dalam bahagian **Creating Sustainable Value** di halaman 37 hingga 43.



Memfaatkan Teknologi untuk Peningkatan & Pengoptimuman Sumber

Dengan memanfaatkan platform analisis data kami, kami menyelami setiap proses pembuatan kami untuk menentukan konfigurasi optimum parameter seperti suhu dalam ketuhar, yang membolehkan kami menghasilkan sarung tangan berkualiti secara konsisten dengan penggunaan bahan dan sumber yang cekap. Keupayaan sistem Kamera Visi Kecerdasan Buatan (AIVC) yang menerajui industri kami juga telah diperluaskan, dari hanya memeriksa sarung tangan hingga sekarang juga mengenal pasti sarung tangan yang perlu digantikan.

Kecekapan tenaga kekal merupai keutamaan kami dan audit menyeluruh kerap dijalankan untuk mengenal pasti dan melaksanakan inisiatif penjimatan tenaga yang telah ditetapkan, termasuk penambahbaikan sistem pemulihan haba dan pengoptimuman pembakar untuk penggunaan tenaga gas yang efisien. Kami juga meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dengan memperluas kapasiti solar sistem kami, dengan itu menunjukkan komitmen kami sebagai pengeluar yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Selain itu, kami telah mencapai kemajuan yang ketara dalam aspek kelestarian air dalam proses pembuatan kami, melalui inisiatif seperti pengembangan kapasiti loji rawatan air kami dan lebih banyak menggunakan air hujan dalam proses pembuatan. Dengan usaha ini, selain mengurangkan penggunaan bekalan air dari pihak berkuasa tempatan, kami juga turut memainkan peranan dalam mengurangkan risiko banjir di sekitar kawasan kilang kami.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Menuju Ke Arah Pemulihan dan Seterusnya

Kami mengakhiri TK2023 dengan keputusan yang kurang memuaskan jauh berbanding dengan apa yang diharapkan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada ini disebabkan oleh keadaan lebih bekalan sarung tangan sementara, yang diperparah oleh penyimpanan stok pelanggan didorong pandemik. Walaupun begitu, realitinya ialah asas industri sarung tangan serta prospeknya masih kekal teguh.

Fakta Sarung tangan akan sentiasa menjadi barang keperluan asas dalam industri kesihatan, perindustrian dan makanan di mana penggunaannya juga semakin berkembang pesat ke dalam industri-industri lain.

Fakta Sarung tangan adalah barang penggunaan tunggal tanpa pengganti, menggerakkan pertumbuhan permintaan yang berterusan.

Fakta Walaupun kami telah melalui tempoh permintaan sarung tangan yang rendah, penggunaan sarung tangan sebenarnya tidak berkurangan. Sebaliknya, penggunaan sarung tangan telah meningkat pasca pandemik, didorong oleh peningkatan tahap kebersihan dan kesedaran kesihatan.

Berasaskan kenyataan-kenyataan yang tidak akan berubah ini, kami ketahui bahawa kami mampu mencapai lebih banyak lagi, sebagai perniagaan dan juga sebagai industri. Walaupun terdapat cabaran yang sukar buat sementara, kami kekal berfikir optimistik terhadap masa depan, didorong oleh peningkatan pesanan sarung tangan yang menunjukkan bahawa inventori sarung tangan pelanggan dari pandemik sudah menghampiri penghujungnya. Memandangkan keadaan lebih bekalan juga makin berkurangan, kami menjangka bahawa permintaan global sarung tangan akan mengikuti unjuran pertumbuhan tahunan sebanyak 8% hingga 10% tidak lama lagi. Dengan itu, kami yakin bahawa kami sedang menuju ke arah pemulihan dan prospek jangka panjang industri sarung tangan akan bertambah cerah di masa depan.

Penghargaan

Sambil kami renungkan tahun kewangan yang lalu, kami berasa amat bersyukur kepada semua yang telah memberikan sokongan berharga untuk membantu kami melalui musim yang paling mencabar ini. Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami ingin mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada:



Pasukan Top Glove yang dengan penuh dedikasi, daya tahan dan ketekunan yang tiada bandingannya, telah melalui zaman baik mahupun zaman mencabar bersama Kumpulan. Terima kasih atas usaha berterusan dan sumbangan positif anda yang telah membolehkan kami terus memenuhi komitmen kepada pihak berkepentingan setiap tahun. Kami yakin bahawa semangat tanpa henti Top Glove, yang telah ditempa api, akan membawa kami keluar dari musim yang mencabar ini ke dalam pemulihan dan seterusnya.



Ahli Lembaga Pengarah kami bagi bimbingan, cerapan dan pengalaman anda yang tidak ternilai, yang telah membimbing kami melalui pergolakan ke perairan yang lebih tenang dengan selamat. Kami mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif kami, Datuk Noripah Kamso dan Dato' Kong Soo Lin, yang bersara daripada Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Agung Tahunan 2023 pada 6 Januari 2023. Kami juga mengalu-alukan dua Pengarah Bebas Bukan Eksekutif baharu kami, Dr Chong Su-Lin dan Cik Rowina Ghazali Seth, yang akan mampu memperkayakan komposisi lembaga pengarah dan pengalaman kolektif kami.



Pelanggan setia kami, vendor, pemegang saham, dan pihak berkepentingan lain atas sokongan dan keyakinan berterusan anda terhadap Kumpulan. Kami sangat menghargai kerjasama yang telah kami membina selama ini, dan kami kekal berkomitmen untuk terus menyampaikan nilai yang anda harapkan dan layak terima.

TAN SRI DR LIM WEE CHAI

Pengerusi Eksekutif
Top Glove Corporation Bhd
28 November 2023

LIM CHEONG GUAN

Pengarah Urusan
Top Glove Corporation Bhd
28 November 2023